

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JULY 2016

# PKR bincang isu Mahathir, Guan Eng?

UM - 20/7/2016

**KUALA LUMPUR 19 Julai** - PKR bermesyuarat malam ini dipercayai membincangkan rancangan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mahu menubuhkan parti baharu dan ura-ura bekas Perdana Menteri itu berhajat mengepalai pakatan walaupun pembangkang sudah ada Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Mesyuarat di ibu pejabat parti itu di Tropicana, Petaling Jaya, yang bermula pukul 9 malam, dipengerusikan sendiri Wan Azizah dan dihadiri hampir kesemua barisan kepimpinan tertinggi PKR.

Difahamkan isu tersebut menjadi topik paling hangat berikutan Wan Azizah sememangnya diketahui tidak senang dengan tindak-tanduk pemimpin PKR mahupun pakatan

pembangkang sendiri, yang dilihat begitu teruja mahu bekerjasama dengan bekas Perdana Menteri itu bagi mengalahkan Barisan Nasional (BN).

Sikap Wan Azizah terhadap bekas Perdana Menteri itu dipercayai ada kaitan dengan dendam lama berikutan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan sahaja dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri atas salah laku moral, malah dipenjarakan ketika era Dr. Mahathir.

Selain rancangan Dr. Mahathir, isu pilihan raya mengejut di Pulau Pinang yang cuba dilakukan Lim Guan Eng dalam usaha terdesaknya mahu mengekalkan kuasa, selepas dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan rasuah juga dipercayai merupakan antara topik hangat

yang diperdebatkan.

Ini berikutan Guan Eng dikatakan bersungguh-sungguh benar mahu menjayakan pilihan raya berkenaan walaupun dikesampingkan banyak pihak, apabila difahamkan rombongan DAP yang terdiri daripada enam pemimpin tertingginya telah bertemu Wan Azizah di kediaman ketua pembangkang itu di Bukit Segambut, malam kelmarin.

Setiausaha Agung DAP itu yang kini dilaporkan amat terdesak selepas berhadapan dua pertuduhan rasuah mahu menggunakan taktik pilihan raya mengejut untuk mengheret Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta rakyat ke kancang isu peribadi beliau walaupun memiliki seluas-luas peluang untuk membersihkan diri di mahkamah.